- Ahli, Jawatankuasa Pembangunan Baitulmal Selangor, Majlis Agama Islam Selangor

Pengalaman Kerja

- Akademik dan pakar Syariah yang diiktiraf dengan pengalaman luas dalam kewangan Islam
- Aktif menyumbang kepada sektor perbankan Islam dan badan kawal selia di peringkat tempatan dan antarabangsa
- Terlibat dalam peranan penggubalan dasar dan penasihat bagi institusi agama dan kewangan Islam di Malaysia



**PROF. DR. ASHRAF MD
HASHIM**
Ahli JKPS

Umur:
56

14/15

Tempoh
Pelantikan:
1.6.2023 - kini

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Undang-Undang Islam, University of Birmingham, United Kingdom
- Ijazah Sarjana dalam Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Jordan
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi
- Diploma Pascasiswazah dalam Undang-Undang dan Amalan Syariah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Jawatan dan Keahlian Lembaga

- Pengarah Eksekutif, International Shariah Research Academy for Islamic Finance
- Timbalan Presiden (Penyelidikan), Universiti INCEIF
- Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah Bursa Malaysia
- Ahli, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Syariah International Islamic Liquidity Management Corporation
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Ahli Lembaga Pengarah, Tabung Haji
- Ahli Lembaga Pengarah, Halal Development Corporation Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, THV Management & Services Sdn. Bhd.
- Ahli, Majlis Fatwa Kebangsaan (MKI), Ulama Fatwa Kelantan dan Jawatankuasa Fatwa Selangor

Pengalaman Kerja

- Akademik kanan dan penggubal dasar dengan penglibatan mendalam dalam kewangan Islam, tadbir urus Syariah, dan penasihat
- Memegang peranan kepimpinan utama dan konsultatif merentasi platform kawal selia, korporat, dan akademik di Malaysia
- Berpengaruh dalam membentuk dasar dan piawaian Syariah di peringkat negara dan institusi



**PROF. DR. AMIR
SHAHARUDIN**
Ahli JKPS

Umur:
46

15/15

Tempoh
Pelantikan:
1.6.2023 - kini

Kelayakan

- Ijazah Doktor dalam Pengajian Arab dan Islam, University of Exeter, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Jawatan dan Keahlian Lembaga

- Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, Universiti Sains Islam Malaysia
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah SME Bank dan Hong Leong MSIG Takaful
- Ahli, Jawatankuasa Syariah Hong Leong Islamic Bank
- Felo Pelawat, Oxford Centre for Islamic Studies, United Kingdom
- Profesor Pelawat, Urgench State University, Uzbekistan
- Profesor Adjung, UNITAR International University
- Naib Presiden, Persatuan Muamalat Malaysia

Pengalaman Kerja


- Bekas Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Pusat Pengajian Siswazah, USIM
- Bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Waqaf Malaysia (melalui peminjaman)
- Pengalaman luas dalam bidang akademik dan kepimpinan meliputi kewangan Islam, pendidikan tinggi, dan pengurusan wakaf
- Diiktiraf atas penglibatan akademik di peringkat antarabangsa serta penasihat Syariah dalam sektor perbankan dan takaful


Petunjuk:


Kehadiran Mesyuarat

STRUKTUR ORGANISASI

Setakat 31 Disember 2024



 Jabatan/Department



KEPIMPINAN EKSEKUTIF



AHMAD ZULOARNAIN ONN
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh Pelantikan:
Februari 2024

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda (AB) (Ekonomi), Universiti Harvard

Keahlian Lembaga

- NIL

Pengalaman Kerja

Lebih 25 tahun pengalaman dalam pengurusan pelaburan, kewangan korporat, dan perancangan strategik, dengan memegang peranan kepimpinan utama di institusi pelaburan berkaitan kerajaan. Ini termasuk berkhidmat sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Timbalan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad, dan Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad. Sebelum itu, beliau turut berkhidmat dalam pelbagai bidang merentasi sektor kewangan dan korporat.

Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) menerajui semua operasi KWSP, memastikan pelaksanaan strategi dan dasar organisasi berjalan dengan lancar. KPE menyelia pelaksanaan rancangan jangka panjang dan pendek serta bertindak sebagai penghubung utama antara Pengurusan dan Lembaga. Jabatan yang melapor terus kepada KPE ialah Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalam, dan Jabatan Integriti & Tadbir Urus Korporat.



ROHAYA MOHAMMAD YUSOF
Ketua Pegawai Pelaburan Bahagian Pelaburan

Tarikh Pelantikan:
Januari 2020

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan), Australian National University
- Ahli Bersekutu, CPA Australia

Keahlian Lembaga

- Malaysia Airports Holdings Berhad
- Tenaga Nasional Berhad

Pengalaman Kerja

Lebih 30 tahun pengalaman dalam pelaburan dan kewangan korporat, termasuk memegang jawatan kepimpinan kanan seperti Naib Presiden Eksekutif bagi Perbankan Pelaburan Korporat di Maybank Investment Bank, serta pelbagai jawatan Ketua Jabatan dalam Bahagian Pelaburan KWSP yang merangkumi Kewangan Korporat, Pasaran Modal, dan Pasaran Persendirian.

Bahagian Pelaburan menguruskan aset domestik dan global KWSP dan bertanggungjawab untuk melabur dalam pelbagai kelas aset di pasaran awam dan swasta. Bahagian ini terdiri daripada beberapa jabatan, termasuk Jabatan Ekuiti, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Pasaran Modal, Jabatan Pelaburan Hartanah, Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur, Jabatan Pengurus Dana Luar, Jabatan Strategi Pelaburan & Analitik, serta Jabatan Pelaburan Strategik & Penyelidikan. Matlamat utama adalah untuk mengoptimumkan pulangan dalam tahap toleransi risiko KWSP yang didorong oleh objektif pemeliharaan modal dan meningkatkan nilai simpanan ahli.



SAZALIZA ZAINUDDIN
Ketua Pegawai Operasi
Bahagian Operasi

Tarikh Pelantikan:
September 2021

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan, South Bank University, United Kingdom

Keahlian Lembaga

- MBSB Bank Berhad
- Malaysia Building Society Berhad

Pengalaman Kerja

Lebih 20 tahun kepakaran dalam kewangan, audit dan perolehan melalui peranan kepimpinan dalam Akaun, Kewangan, Pengurusan Perolehan dan Audit Dalaman di KWSP serta pengalaman berkhidmat di PwC Kuala Lumpur.

Bahagian Operasi menguruskan perkhidmatan operasi teras untuk ahli KWSP dan majikan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang berkesan. Bahagian ini juga menyediakan khidmat nasihat pelanggan, memastikan pematuhan kawal selia, dan menyokong pihak berkepentingan dalaman. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Operasi terdiri dari Jabatan Saluran Fizikal, Jabatan Saluran Digital, Jabatan Pengurusan Caruman, Jabatan Pengurusan Transaksi, Jabatan Pengurusan Produk & Pemasaran, Jabatan Pematuhan Operasi serta 68 buah pejabat cawangan di seluruh Malaysia.



MOHAMAD HAFIZ KASSIM
Ketua Pegawai Kewangan
Bahagian Kewangan &
Perkhidmatan

Tarikh Pelantikan:
Ogos 2021

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dalam Perakaunan dan Kewangan, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Felo, Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Pemegang Piagam CFA (CFA Charterholder)
- Program Pengurusan Lanjutan (*Advanced Management Programme*), Harvard Business School

Keahlian Lembaga

- Malaysian Resources Corporation Berhad
- Axiata Group Berhad

Pengalaman Kerja

Lebih 25 tahun pengalaman merangkumi audit, perakaunan, ekuiti persendirian, pendapatan tetap, dan hartanah, dengan peranan kepimpinan termasuk mengetuai Ekuiti Persendirian, Pasaran Persendirian, Pasaran Modal, dan Hartanah.

Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan berperanan penting dalam membolehkan KWSP mencapai matlamat perniagaan dan operasinya. Ini dicapai dengan melaksanakan kawalan kewangan yang kukuh, mengekalkan piawaian tadbir urus yang tinggi, dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif. Jabatan-jabatan yang beroperasi di bawah bahagian ini termasuk Jabatan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pelaburan, Jabatan Undang-Undang, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan dan Jabatan Pengurusan Harta.

KEPIMPINAN EKSEKUTIF



MUHAMMAD AFHZAL ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Teknologi Digital
Bahagian Teknologi Digital

Tarikh Pelantikan:
Januari 2019

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Elektrik), Columbia University, New York, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga

- Telekom Malaysia Berhad
- TM Digital Innovation (Credence) Sdn. Bhd.

Pengalaman Kerja

Lebih 26 tahun pengalaman dalam bidang teknologi dengan tumpuan kepada strategi, transformasi digital, dan pelaksanaan teknologi berskala besar dalam industri perkhidmatan kewangan serta minyak dan gas. Lebih 13 tahun pengalaman bersama syarikat seperti Maybank, Shell, T-Systems, DHL, dan IBM, dalam mengetuai inisiatif digital dan teknologi untuk mencapai hasil perniagaan.

Bahagian Teknologi Digital menyokong dan memperkasa perniagaan serta operasi KWSP dengan membangunkan dan mengendalikan penyelesaian serta perkhidmatan teknologi digital yang berfokuskan pelanggan, inovatif, kukuh, dan terjamin. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Teknologi Digital merangkumi Jabatan Centre of Excellence, Jabatan Aplikasi Teras Digital, Jabatan Aplikasi Enterprise Digital, Jabatan Infrastruktur Digital, dan Jabatan Keselamatan Digital.



IWAN AZLAN MOKHTAR

Ketua Pegawai Sumber Manusia
Bahagian Sumber Manusia

Tarikh Pelantikan:
September 2021

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Undang-Undang, University of Nottingham, United Kingdom

Keahlian Lembaga

- United Plantations Berhad

Pengalaman Kerja

Lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang sumber manusia, termasuk memegang jawatan kanan seperti Ketua Pegawai Sumber Manusia di Tenaga Nasional Berhad dan Naib Presiden Sumber Manusia di MISC Berhad. Pernah berkhidmat selama 17 tahun bersama Kumpulan Royal Dutch Shell dalam jawatan penting sumber manusia merentasi Asia Pasifik dan Timur Tengah, termasuk sebagai Pengurus Dasar Sumber Manusia Global, Pengurus Sumber Manusia Serantau, dan Rakan Perniagaan Serantau di Australia.

Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab untuk memacu dan menyediakan inisiatif berorientasikan modal insan untuk menyokong transformasi organisasi. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Sumber Manusia ialah Jabatan People Matters dan EPF Learning Campus.

KOSONG

Ketua Pegawai Strategi
Bahagian Strategi

Bahagian Strategi menyokong KWSP mencapai Tujuan dan Misi melalui pelaksanaan pelan dan strategi jangka sederhana dan jangka panjang di samping mengekalkan reputasi baik KWSP. Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan isu-isu strategik. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Strategi ialah Jabatan Polisi & Strategi, Jabatan Hal Ehwal Korporat, dan Jabatan Corporate Sustainability.

PENGURUSAN KANAN

2024



PK

ROZLINA ABDUL SAMAD
Ketua, Jabatan Pengurusan
Risiko

Jabatan Pengurusan Risiko bertanggungjawab untuk merangka, mengesahkan, dan mengawasi rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi yang kukuh. Ini akan mengenalpasti risiko-risiko utama dan juga kawalan-kawalan yang berkesan dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif strategik KWSP. Dengan menyepadukan sepenuhnya pengurusan risiko ke dalam setiap proses membuat keputusan, KWSP meningkatkan daya tahan dan kemampuan dalam persekitaran yang kompleks dan berkembang.



PK

MOHAMMAD NASIR ISMAIL
Ketua, Jabatan Audit Dalam

Jabatan Audit Dalam bertindak sebagai rakan strategik kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan dalam mencapai matlamat organisasi dengan memberikan jaminan dan pandangan yang bebas dan objektif terhadap keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko, dan proses kawalan dalaman.



PK

MOHD DALI JASMIN
Ketua, Jabatan Integriti &
Tadbir Urus

Jabatan Integriti & Tadbir Urus bertanggungjawab memastikan operasi KWSP dijalankan secara telus dan profesional dengan memberi nasihat kepada Pengurusan dalam aspek integriti, tadbir urus dan rangka kerja antirasuah. Ia juga melaksanakan program kolaborasi dan libat urus bersama warga kerja dan pihak berkepentingan bagi memupuk nilai-nilai ini. Jabatan ini turut memainkan peranan penting dalam Pengurusan Risiko Rasuah dengan mengenal pasti dan menangani risiko rasuah serta memupuk budaya integriti dalam organisasi.



O

GUNASEKARAN A/L THOLASY
Ketua, Jabatan Pengurusan
Caruman

Jabatan Pengurusan Caruman memainkan peranan penting dalam memastikan kutipan caruman KWSP dilaksanakan dengan cekap, telus dan mematuhi undang-undang dalam menguruskan akaun ahli dan akaun majikan. Ia menguruskan caruman wajib dan sukarela. Jabatan ini juga bertanggungjawab menguatkuasakan larangan ke luar negara, pelaksanaan invokasi di bawah Seksyen 50(3) Akta KWSP 1991, pengkreditan dividen tahunan, menguruskan insentif Kerajaan dan melaksanakan urusan wang tidak dituntut.



O

JULPADYA SOOMA
Ketua, Jabatan Pengurusan
Transaksi

Jabatan Pengurusan Transaksi bertanggungjawab untuk menyediakan tadbir urus data dan rekod yang baik dengan mengamalkan perkhidmatan cemerlang dalam pendaftaran digital yang lancar, pengurusan dokumen, dan penyampaian perkhidmatan pendaftaran dan pengeluaran. Demi memperkukuh perkhidmatan ini, jabatan ini juga menyediakan khidmat nasihat produk untuk pendaftaran majikan dan pekerja, penamaan ahli serta proses pengeluaran bagi memastikan pengalaman pelanggan menjadi lebih menarik dan efisien.



O

MOHD RODZI ABU BAKAR
Ketua, Jabatan Pengurusan
Produk & Pemasaran

Jabatan Pengurusan Produk & Pemasaran membentuk visi, strategi dan pelan hala tuju produk termasuk menjalankan penyelidikan pasaran, mengenal pasti peluang, mengurus pembangunan dan penambahbaikan produk serta mengawasi pelaksanaan produk KWSP daripada proses hujung ke hujung yang disokong oleh analisis data berasaskan bukti. Jabatan ini juga merancang serta membangunkan strategi dan kempen pemasaran bagi produk KWSP dengan bekerjasama secara strategik bersama pihak berkepentingan di samping menggalakkan celik kewangan demi mengukuhkan kesejahteraan persaraan.

Petunjuk:

PK Pejabat KPE

O Operasi

KP Kewangan & Perkhidmatan

SM Sumber Manusia

P Pelaburan

S Strategi

TD Teknologi Digital

PENGURUSAN KANAN



CHONG YEE LENG
Ketua, Jabatan Pematuhan
Operasi

O

Jabatan Pematuhan Operasi menyediakan panduan pematuhan, memupuk penambahbaikan kualiti berterusan, dan menggalakkan budaya pematuhan yang menyokong matlamat perniagaan KWSP yang dinamik. Jabatan ini memastikan pematuhan operasi terhadap dasar dalaman, garis panduan, serta undang-undang luaran yang mengawal selia aktiviti KWSP. Dengan kerjasama rapat bersama pengurusan, jabatan ini mengenal pasti potensi risiko pematuhan dan melaksanakan inisiatif untuk menambah baik proses operasi, memastikan penjajaran dengan semua keperluan dalaman dan luaran yang berkaitan sambil mengekalkan kecekapan dan integriti dalam operasi KWSP.



SUHAIZAM ISMAIL
Ketua, Jabatan Saluran
Fizikal

O

Jabatan Saluran Fizikal menyelia semua wilayah dan cawangan KWSP di seluruh negara bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, konsisten, dan berkualiti tinggi. Jabatan ini menguruskan perkhidmatan utama termasuk perkhidmatan ahli, majikan, dan khidmat nasihat sambil mengekalkan kecemerlangan serta ketercapaian perkhidmatan. Jabatan ini juga memberi tumpuan kepada pengukuhan pasukan wilayah di enam (6) pejabat bagi meningkatkan jangkauan, memperbaiki hasil persaraan, dan menyediakan pengalaman pelanggan yang bersepadu melalui semua titik sentuh fizikal KWSP.



**NOORHASLIN MOHD
BASERI**
Ketua, Jabatan Saluran
Digital

O

Jabatan Saluran Digital bertujuan untuk meningkatkan horizon digital dengan mengoptimalkan pengalaman pelanggan melalui transaksi yang lancar serta interaksi yang dinamik di semua saluran digital. Jabatan ini juga bertanggungjawab membangun dan melaksanakan strategi saluran digital; memacu projek digital, mengendalikan komunikasi dengan ahli dan majikan melalui panggilan, sembang langsung (*live chats*), media sosial dan e-mel; serta menguruskan operasi pelbagai platform digital seperti laman web KWSP, i-Akaun (Ahli) dan i-Akaun (Majikan).



ANNIE ROSLE
Ketua, Jabatan Ekuiti
Persendirian & Infrastruktur

P

Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur memperoleh, menilai dan melaksanakan peluang pelaburan dalam ekuiti persendirian dan infrastruktur secara global yang memenuhi pulangan sasaran KWSP. Jabatan ini menguruskan dua (2) buah kelas aset iaitu Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur.

KEPIMPINAN KOLABORATIF, PENINGKATAN BERTERUSAN

Petunjuk:

PK Pejabat KPE

P Pelaburan

O Operasi

S Strategi

KP Kewangan & Perkhidmatan

TD Teknologi Digital

SM Sumber Manusia

PENGURUSAN KANAN 2024



P

AZHAR AHMAD
Ketua, Jabatan Pasaran Modal

Jabatan Pasaran Modal bertanggungjawab mengurus mandat pendapatan tetap di peringkat domestik dan global. Ini merangkumi langganan dan dagangan sukuk serta bon, selain menawarkan struktur pinjaman dan pembiayaan yang disesuaikan, termasuk hutang persendirian. Jabatan ini berusaha untuk menyediakan rangkaian penyelesaian pelaburan yang menyeluruh bagi mengoptimumkan pulangan dan memelihara modal melalui kepelbagaian rentas spektrum kredit.



P

AZIZUL ZAINOL
Ketua, Jabatan Strategi Pelaburan & Analitik

Jabatan Strategi Pelaburan & Analitik menguruskan strategi pelaburan organisasi, memastikan pulangan pelaburan yang optimum serta memenuhi obligasi kewangan melalui pengurusan aset dan liabiliti, alokasi aset strategik, analisa aktuari, analitik dan Penyelidikan Makroekonomi. Jabatan ini juga menyelia perkhidmatan Syariah, risiko dan pematuhan perusahaan bagi skim Simpanan Shariah, pendigitalan pelaburan & transformasi serta mengawasi Institusi Pengurusan Dana di bawah Skim Pelaburan Ahli bagi melindungi pelaburan ahli.



P

MOHD AMIRUL LAJIM
Ketua, Jabatan Perbendaharaan

Jabatan Perbendaharaan menyelia pengurusan aset tunai dan pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap termasuk terbitan Kerajaan dan sekuriti yang setara untuk pasaran global dan domestik. Jabatan juga menguruskan keperluan pertukaran asing KWSP dan melaksanakan strategi lindung nilai untuk mengurangkan risiko pertukaran asing dan kadar faedah.



P

FARIZA ALI@TAIB
Ketua, Jabatan Pelaburan Hartanah

Jabatan Pelaburan Hartanah bertanggungjawab dalam pengurusan pelaburan bagi portfolio hartanah domestik dan antarabangsa. Melalui pemerolehan secara strategik dan berhemah, pengurusan aset yang aktif, serta pengoptimuman portfolio yang teliti, kami komited untuk memberikan pulangan pelaburan yang mampan dengan kepelbagaian pelarasan risiko. Berpandukan prinsip pelaburan yang bertanggungjawab, kami berusaha mencipta nilai jangka panjang sambil mengekalkan pendekatan yang seimbang antara risiko dan ganjaran.



P

LIM TZE SEONG
Ketua, Jabatan Ekuiti

Jabatan Ekuiti bertanggungjawab menguruskan pelaburan ekuiti domestik dan global melalui pengurus portfolio dalaman berdasarkan alokasi aset strategik yang diluluskan dan mandat pelaburan dengan cara berhemah, telus, dan profesional untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan. Sasaran strategik adalah untuk menjadi peneraju pengurus pelaburan ekuiti domestik dan global dalam industri persaraan sambil memenuhi keperluan pihak berkepentingan.



P

HASLINA UJANG
Ketua, Jabatan Pengurus Dana Luar

Jabatan Pengurus Dana Luar bertanggungjawab mengawasi pengurus dana luar mengikut amalan terbaik industri bagi mengoptimumkan pulangan pelaburan dalam kawalan risiko yang berpatutan. Jabatan ini berusaha untuk mencapai kesan kepelbagaian dengan melantik pengurus dana domestik dan global yang terkemuka dalam bidang masing-masing.

Petunjuk:

PK Pejabat KPE

O Operasi

KP Kewangan & Perkhidmatan

SM Sumber Manusia

P Pelaburan

S Strategi

TD Teknologi Digital


PENGURUSAN KANAN



P

SHAHAZWAN HARRIS
Ketua, Jabatan Pelaburan
Strategik & Penyelidikan

Jabatan Pelaburan Strategik memainkan peranan penting dalam melindungi dan meningkatkan nilai syarikat-syarikat dalam portfolio strategik KWSP. Mandat utamanya merangkumi tadbir urus pelaburan, pemantauan aset, dan pelan penciptaan nilai jangka panjang. Jabatan ini memantau prestasi syarikat yang mempunyai pendedahan besar dengan KWSP, bertindak sebagai rakan pemilik, dan bekerjasama rapat dengan mereka untuk membuka peluang bagi menjana pulangan mampan. Ia juga mengenal pasti serta meneroka peluang pelaburan baharu dengan memanfaatkan kepintaran pasaran, bagi memastikan KWSP kekal berparadangan jauh dan tangkas dalam landskap pelaburan yang dinamik.



S

BALQAIS YUSOFF
Ketua, Jabatan Polisi &
Strategi


Jabatan Polisi dan Strategi bertanggungjawab merangka pelan hala tuju organisasi dan merangka intervensi dasar yang sesuai untuk mencapai keselamatan pendapatan persaraan dengan matlamat utama membantu ahli kami menjalani kehidupan persaraan yang sejahtera. Jabatan ini juga menguruskan perhubungan dengan pihak berkepentingan utama supaya KWSP kekal relevan dan mengesyorkan input strategik untuk polisi perlindungan sosial bagi meningkatkan kesejahteraan ahli KWSP yang akhirnya membantu ahli mencapai masa hadapan yang lebih baik.



S

**MUHAMMAD SHUHAILI
MOHD SHAFIE**
Ketua, Jabatan Hal Ehwal
Korporat

Jabatan Hal Ehwal Korporat bertanggungjawab melindungi reputasi organisasi melalui komunikasi dalaman, pemasaran, dan jangkauan strategik yang berkesan. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan penglibatan dalam kalangan pihak berkepentingan dengan menyampaikan mesej yang jelas, konsisten, dan berimpak. Jabatan ini juga menyokong inisiatif strategik dan penjenamaan KWSP dengan matlamat keseluruhan untuk memperkukuh peranannya dalam membina masa depan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia.



S

VACANT
Ketua, Jabatan Corporate
Sustainability

Jabatan ini bertanggungjawab dalam menerajui kelestarian di KWSP dengan menggabungkan faktor-faktor ESG ke dalam pelaburan dan organisasi secara keseluruhan. Matlamat jabatan ini adalah untuk mencapai portfolio yang mematuhi ESG menjelang tahun 2030 dan portfolio neutral iklim menjelang tahun 2050. Jabatan ini juga memacu inisiatif kelestarian agar selaras dengan kepentingan masyarakat dan mencipta nilai lestari jangka panjang untuk pihak berkepentingan.



KP

ZAIDATUL MAZWIN IDRUS
Ketua,
Jabatan Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang berperanan sebagai penasihat undang-undang dan memberikan perkhidmatan seperti pandangan undang-undang serta penyedia dan menyemak perjanjian berkaitan pelaburan dan bukan pelaburan yang dimasuki KWSP. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan atau mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta KWSP 1991 dan undang-undang subsidiarinya. Di samping itu, Jabatan juga memberikan perkhidmatan kesetiausahaan kepada Lembaga, Panel Pelaburan, serta Pengurusan Kanan KWSP.



KP

**AHMAD RIDZUAN
WAN IDRUS**
Ketua, Jabatan
Perkhidmatan Pelaburan

Jabatan Perkhidmatan Pelaburan memastikan pematuhan polisi dan garis panduan dalaman, undang-undang, serta peraturan yang mentadbir pelaburan KWSP, domestik dan luar negara. Jabatan ini juga menyelia transaksi pelaburan mengikut amalan pasaran serta mengekalkan rekod perakaunan pelaburan yang tepat dan laporan yang mematuhi polisi KWSP. Di samping itu, jabatan ini juga menguruskan Polisi Chinese Wall, Sistem Pelaburan, Pejabat Tadbir Urus Data, serta Centre of Excellence Automasi Proses Robotik untuk KWSP.

Petunjuk:

PK Pejabat KPE

O Operasi

KP Kewangan & Perkhidmatan

SM Sumber Manusia

P Pelaburan

S Strategi

TD Teknologi Digital


PENGURUSAN KANAN 2024



KP

AHMAD RIZAL OMAR
Ketua, Jabatan Kewangan

Jabatan Kewangan dipertanggungjawabkan untuk mengurus fungsi kewangan teras KWSP dan memainkan peranan strategik dalam memacu kecemerlangan kewangan melalui perancangan kewangan yang berkesan, pembayaran, percukaian, pelaporan kewangan dan pengurusan kos. Sebagai penyedia perkhidmatan yang berwawasan kepada organisasi, jabatan ini menegakkan tadbir urus kewangan yang kukuh dan pematuhan terhadap peraturan, sambil memberikan pandangan dan nasihat yang berpandangan ke hadapan mengenai perakaunan, percukaian, pengoptimuman kos dan dasar kewangan.



KP

ABDUL RAZAK HAMZAH
Ketua, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan

Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan bertanggungjawab terhadap perolehan barangan dan perkhidmatan dengan cekap dan beretika bagi memastikan semua aktiviti perolehan dijalankan mengikut Polisi Perolehan serta prinsip tadbir urus yang baik. Jabatan ini fokus untuk mencapai nilai terbaik di samping mengekalkan piawaian integriti yang tinggi dan telus dalam semua aktiviti perolehan.



KP

ABDUL KHARIS SHAHARUDIN
Ketua, Jabatan Pengurusan Harta

Jabatan Pengurusan Harta bertanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran kerja yang mampan, selamat, dan sihat yang menyokong produktiviti dan inovasi di kalangan kakitangan KWSP. Jabatan ini memastikan pematuhan dengan semua piawaian peraturan sambil mengimbangkan amalan mesra alam dengan keadaan kerja yang optimum.



TD

MOHD ZAMRI ISMAIL
Ketua, Jabatan Digital Infrastructure

Jabatan Digital Infrastructure bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan, dan mengendalikan infrastruktur teknologi yang menyokong sistem dan operasi digital serta teknologi maklumat KWSP. Jabatan ini mengendalikan infrastruktur digital yang kukuh, berdaya tahan, kebolehpulihan dan selamat yang mematuhi piawaian dan peraturan seni bina teknikal KWSP bagi memenuhi keupayaan dan prestasi teknologi maklumat yang diperlukan oleh operasi KWSP.



TD

JASMINE GOH WAN CHEN
Ketua, Jabatan Digital Security

Jabatan Digital Security bertanggungjawab untuk melindungi kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan maklumat kritikal dan aset KWSP. Jabatan ini membangunkan dan menguatkuasakan dasar keselamatan digital, dan prosedur berdasarkan pada piawaian industri, amalan terbaik, dan garis panduan peraturan yang berkaitan.



TD

WU TZE CHYI @ EVA WU
Ketua, Jabatan Digital Enterprise Solutions

Jabatan Digital Enterprise Solutions bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan, dan mengendalikan penyelesaian teknologi bagi seluruh organisasi yang menyokong keperluan operasi, pelaburan dan pengurusan serta penyelesaian tempat kerja digital KWSP.

Petunjuk:

PK Pejabat KPE

O Operasi

KP Kewangan & Perkhidmatan

SM Sumber Manusia

P Pelaburan

S Strategi

TD Teknologi Digital

PENGURUSAN KANAN



TD

Jabatan Digital Core Solutions bertanggungjawab membangunkan, melaksanakan, dan mengurus penyelesaian teknologi bagi memastikan Sistem Teras KWSP sentiasa beroperasi pada tahap optimum. Jabatan ini menyediakan sistem yang selamat dan berkualiti tinggi yang membolehkan KWSP melaksanakan mandat keselamatan sosial utamanya, dengan memastikan perlindungan yang mencukupi, liputan yang lebih meluas, serta perkhidmatan dan produk pelanggan yang cekap.

ROSZIATA MOHAMAD
Ketua, Jabatan Digital Core Solutions



TD

Jabatan Centre of Excellence memainkan peranan penting dalam memacu transformasi digital KWSP dengan membangunkan keupayaan strategik merentasi bidang transformasi, inovasi dan data analitik. CoE menerajui pengurusan portfolio dan perubahan di peringkat organisasi, memacu inovasi melalui teknologi baharu seperti AI dan automasi, serta memperkukuh usaha menjadikan KWSP sebuah organisasi yang berteraskan data.

AHMAD JEFRY ABD HASHIM
Ketua, Centre of Excellence



SM

Jabatan People Matters memacu sasaran perniagaan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan modal insan yang disokong oleh kitaran pengurusan sumber manusia. Jabatan ini berusaha untuk mencipta pengalaman pekerja dari hujung ke hujung, membina saluran bakat yang kukuh untuk organisasi serta menyediakan tempat kerja yang bermanfaat untuk memberikan nilai mampan kepada KWSP.

MOHAMAD FAHMI ABDUL RAHIM
Ketua, Jabatan People Matters



SM

Jabatan EPF Learning Campus ialah cabang latihan organisasi yang bertanggungjawab merangka strategi pembelajaran, dasar, dan pelan hala tuju pembelajaran korporat. ELC menyediakan program berstruktur yang memenuhi keperluan semasa organisasi sambil mempersiapkan warga kerja dengan kemahiran untuk masa hadapan. Ia merangkumi Pembangunan Kepimpinan dan Peribadi, Literasi Digital dan Data, Perlindungan Sosial, Literasi Kewangan, Pendidikan Majikan, serta Kecekapan Fungsian dan Teknikal utama bagi menyokong hala tuju strategik KWSP dan cabaran yang sentiasa berubah.

NOR ROHIDA DIN
Pengarah, EPF Learning Campus

KEPIMPINAN YANG EFEKTIF, BERDEDIKASI DAN PROFESIONAL

Petunjuk:

PK Pejabat KPE

O Operasi

KP Kewangan & Perkhidmatan

SM Sumber Manusia

P Pelaburan

S Strategi

TD Teknologi Digital